

28/10/2001

Kerajaan sentiasa beri perhatian kepada peniaga kecil: TPM

KENINGAU: Kerajaan sentiasa memberi perhatian khusus kepada pembangunan peniaga kecil seluruh negara dengan menyediakan peruntukan kewangan dan pelbagai kemudahan lain bagi memastikan taraf hidup mereka meningkat.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata belanjawan negara yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini turut membabitkan peruntukan yang besar kepada peniaga kecil.

"Kelompok peniaga kecil cukup penting di dalam pembangunan masyarakat, berikutan itu kerajaan akan terus membantu mereka supaya tahap kehidupan mereka lebih terjamin," katanya.

Katanya, pembinaan tempat bagi peniaga kecil menjalankan perniagaan akan ditambah supaya lebih ramai yang mendapat manfaatnya.

"Di Sabah, peruntukan akan disalurkan bagi membina lebih banyak kawasan perniagaan dalam bentuk tamu supaya penduduk di kawasan luar bandar dapat menjual hasil pertanian mereka dengan lebih selesa.

"Kerajaan akan memperuntukkan kewangan tambahan sebanyak RM2 juta bagi membangunkan daerah pedalaman, dan penduduk akan mendapat manfaat darinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Gerai Tamu Keningau di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid; Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Lajim Ukin; Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan yang juga Ahli Parlimen Tenom, Datuk Rizalman Abdullah dan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah (Sedco), Datuk Yahya Lampong.

Gerai tamu bernilai RM3 juta dibiayai Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama Sedco yang memberi peluang kepada kira-kira 400 peniaga kecil di Keningau, berniaga.

Abdullah tiba di Lapangan Terbang Keningau dengan helikopter dari Kota Kinabalu pagi ini bagi lawatan dua hari ke pedalaman Sabah, Keningau, Sook dan Tenom. Pada sebelah petang, Abdullah menyertai Kejohanan Golf Amal di Kelab Golf Keningau manakala pada malamnya beliau menghadiri Majlis Makan Malam Perdana di Dewan Masyarakat Keningau.

Abdullah akan melawat Taman Pertanian Sabah, Lagud Sebrang, Tenom pagi esok sebelum berlepas ke Sook bagi menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Masyarakat Sook.

Beliau berkata, belanjawan negara yang diumumkan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberi penekanan kepada pembangunan di kawasan luar bandar.

"Peruntukan RM5 bilion yang diperuntukkan akan membolehkan kerajaan membangunkan sosio ekonomi kawasan luar bandar.

"Melalui peruntukan berkenaan, sektor ekonomi penduduk di luar bandar dapat dirangsang dan mereka akan mendapat manfaatnya," katanya.

Abdullah berkata, pembangunan tidak tertumpu kepada kawasan utama seperti Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu saja, sebaliknya kawasan luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak akan turut mendapat peruntukan pembangunan dari Kerajaan Persekutuan.

Beliau juga berkata, semua sekolah rendah dan menengah di Sabah dan Sarawak akan mempunyai bekalan air dan elektrik bagi memberi keselesaan kepada pelajar dan guru di sekolah terbabit.

"Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pendidikan menyediakan peruntukan khas bagi menyediakan kemudahan berkenaan kepada sekolah di

luar bandar yang belum mempunyai kemudahan berkenaan.

"Melalui kemudahan berkenaan, kerajaan berharap taraf pendidikan pelajar di luar bandar akan meningkat dan dapat mengurangkan masalah kemiskinan yang sehingga kini menguasai kawasan berkenaan," katanya.

Terdahulu Rizalman berkata, peniaga kecil yang berniaga di tamu akan diberi latihan secara formal melalui agensi Mara dan Pusat Bimbingan Usahawan Negeri bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang keusahawanan.

"Peniaga kecil yang berpotensi untuk maju tetapi kekurangan modal akan dibantu supaya mereka dapat meningkat pendapatan mereka," katanya.

Sementara itu pada tengah harinya, Abdullah turut merasmikan Yayasan Pembangunan Pedalaman Sabah (YPPS) yang berusaha membantu masyarakat di kawasan pedalaman meningkatkan mutu kehidupan.

Di dalam perutusan buku cenderamata, Abdullah berkata YPSS akan dapat memberi sumbangan dan kebajikan kepada seluruh penduduk di kawasan pedalaman yang membabitkan kawasan Tenom, Tambunan, Keningau dan Nabawan.

"Berikutan itu, semua pihak perlu berganding bahu bagi memastikan yayasan yang ditubuhkan ini dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada mereka yang memerlukan," katanya.

(END)